

AKTIVITI INKUIRI

Bab 1 Pengenalan kepada Ekonomi

Objektif:

1. Membantu murid mengenal pasti perbezaan antara keperluan dan kehendak.
2. Pengenalan kepada masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas.

Bahan:

1. Power Point Slide_Bab 1 Ekonomi Tg 4
2. Lembaran Kerja muka surat 1

Cadangan Aktiviti:

1. Guru memaparkan gambar-gambar tempat pelancongan yang terkenal kepada murid.



2. Guru minta murid senaraikan 8 barang yang mesti akan dibawa sekiranya hendak pergi melancong di salah satu tempat pelancongan tersebut dalam Lembaran Kerja di muka surat 1.



3. Pilih dua orang murid untuk bantangkan senarai barang yang ditulis dan bincangkan dengan murid lain dalam kelas.
4. Guru memaparkan gambar peperangan/ banjir/ kebakaran/gempa bumi. Terangkan kepada murid bahawa mereka telah menimpa situasi tersebut.

Situasi 2 Apakah yang akan anda bawa?



Lembaran Kerja, halaman 1 © Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5. Minta murid menyenaraikan 8 barang yang akan dibawa dalam Lembaran Kerja di muka surat 1 supaya dapat terus hidup sekiranya mereka menimpa malapetaka tersebut.
6. Pilih dua orang murid untuk bantangkan senarai barang yang ditulis dan bincangkan dengan murid lain dalam kelas.
7. Bantu murid untuk membezakan konsep keperluan dan kehendak.
8. Guru juga boleh mengaitkan dengan konsep kekurangan dan pilihan.